KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : **05 FEBRUARI 2018**

Jom *Shopping*: PKM Dun Morib buat tapisan penerima

Hasnul (lima, kiri) bersama sebahagian penerima bantuan Jom *Shopping*.

SUNGAI SEDU - Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Morib menjalankan tapisan terhadap nama-nama penerima bantuan Jom *Shopping* yang sudah menerima tiga kali bantuan itu.

Adun Morib, Hasnul Baharuddin berkata, langkah itu dibuat supaya dapat memberi peluang kepada penerima lain merasai bantuan yang disalurkan oleh kerajaan negeri.

Menurutnya, bagaimanapun sekiranya PKM Dun Morib mendapati keluarga itu benar-benar layak dan miskin kita akan menukarkan penama kepada suami atau isteri atau anak bagi meneruskan bantuan.

"PKM mahu mereka (keluarga) yang benar-benar layak saja dapat bantuan baucar sebanyak RM100 itu sebagai usaha meringankan beban keluarga yang terpilih.

"Setakat ini, penerimaan mereka sangat baik dan berharap program ini diteruskan...walaupun ada di antara mereka maklum mengenai tapisan nama yang kita lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Jom *Shopping* Sempena Tahun Baru Cina 2018 di Pasar Raya Giant Banting.

Hasnul berkata, program anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Pusat Peduli Rakyat Dun Morib itu diperuntukkan kepada 400 penerima bagi Dun Morib khususnya untuk masyarakat Cina yang berpendapatan kurang daripada RM1,500.

"Bantuan Jom *Shopping* ini bukan kali pertama diadakan di kawasan Dun Morib, malah jadi salah satu program tetap Pusat Peduli Rakyat setiap kali menyambut pelbagai perayaan di negara ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

PBSD aktif mantap pembangunan belia

HAFEZ

KUALA LANGAT - Belia merupakan aset yang amat berharga selain tonggak serta kekuatan masa depan negara.

Atas kesedaran itu, Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Kuala Langat aktif mendekati pemimpin-pemimpin belia sempena Program Sembang Santai, yang dijalankan di beberapa lokasi terpilih, baru-baru ini.

Pegawainya, Nazeela Zulkiflee berkata, diskusi yang dijalankan melibatkan isu-isu berkaitan golongan berkenaan.

"Kami ada jumpa beberapa pemimpin belia, bincang pasal isu semasa. Apa masalah yang melibatkan mereka yang boleh kami berikan perhatian atau tindakan segera.

"Perkongsian pandangan daripada pemimpin pertubuhan belia di daerah ini diharap dapat memantapkan pembangunan belia di sini," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Negeri Selangor, Hafez Shuriddin berkata, program itu amat bermanfaat demi pembangunan belia.

"Dengan sembang santai ni, kita boleh bertukar idea dan mencari jalan untuk menanganinya.

"Isu semasa belia yang paling utama kini adalah pengangguran...ia terjadi disebabkan sikap belia sendiri yang terlalu memilih kerja. Kebanyakan mereka nak kerja yang mudah tapi harapkan gaji yang lumayan.

"Selain pengangguran, saya juga bimbang isu penyalahgunaan media masa dengan penyebaran berita palsu yang semakin berleluasa...persekitaran seperti ini saya kira tak sihat untuk belia, kerana ia boleh menggugat keamanan negara," katanya.

Pengerusi Kelab Belia Wanita Muda Kuala Langat, Asuma Beevi Mohamed Sali pula berkata, isu belia berkahwin awal turut diberi keutamaan.

"Kita sentuh isu ekonomi keluarga kepada belia yang berkahwin awal kerana kurangnya pengetahuan dalam perancangan ekonomi dan keluarga," katanya.

RM5 juta bina Kompleks PPHL

Pusat aktiviti itu bakal bantu petani memasarkan pelbagai hasil pertanian, jana ekonomi

SIJANGKANG - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi membina Kompleks Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat.

Timbalan Pengarah LPP Negeri Selangor, Anuar Mat Esa berkata, projek pembinaan yang dijangka bermula Oktober ini adalah sebagai galakan peladang mengeluarkan hasil pertanian lebih tinggi berbanding sebelum ini.

Menurutnya, LPP Selangor melalui Unit Perancang Ekonomi melihat peruntukan itu bersesuaian dengan status PPK Kuala Langat sebagai PPK Jaya pada tahun lalu.

"Jadi hasil penglibatan yang serius bakal menjadikan kompleks itu sebagai pusat aktiviti yang aktif memasarkan pelbagai produk pertanian termasuklah cili, timun, halia dan kelapa.

"LPP Selangor juga mahu lihat kompleks itu nanti terus fokus pemasaran cili fertigasi sebagai tarikan utama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Unit Peladang Sijangkang 2018 di Integrasi Anjung Budi, Sijangkang, semalam.

Hadir sama Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPK Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah.

Dalam pada itu, Pengurus Besar PPK Kuala Langat, Mohd Shakran Shamsudin berkata, beliau mengharapkan kompleks baharu PPHL itu nanti dapat meningkatkan kualiti dan hasilnya dapat dinilai lebih tinggi iaitu 15 peratus daripada sebelum ini.

Anuar (dua, kanan) melakukan gimik perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Unit Peladang Sijangkang 2018 di Integrasi Anjung Budi, Sijangkang, semalam.

Katanya, PPK Kuala Langat berharap lebih ramai petani menyertai kumpulan pertanian itu bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi.

"Petani-petani memang menantikan sebuah kompleks dibina untuk meningkatkan pendapatan mereka.

"Bila adanya premis itu nanti, saya percaya ia mampu jadi platform golongan itu untuk memasarkan hasil mereka secara lebih serius, lagi," katanya.

INFO

- **Projek pembinaan dijangka bermula Oktober ini**

Sementara itu, seorang ahli PPK, Aminuddin Mohd Ali, 56, berkata, dia menyambut baik usaha LPP mewujudkan sebuah kompleks yang menempatkan hasil pertanian terutama pemasaran cili fertigasi.

Katanya, hasil pertanian petani itu berpeluang dikomersialkan dengan syarat hasil tersebut dijual kepada PPK Kuala Langat.

"Dengan ekonomi yang agak merudum hari ini, aktiviti pertanian sajalah yang boleh menambah pendapatan walaupun hanya menanam tanaman seperti cili, halia dan kelapa," katanya kepada *Sinar Harian*.